| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Headline | Bekas gay derma darah | | | |
| Date | 22. Feb 2009 | Language | MALAY | |
| Media Title | Metro Ahad | Page No | D8 | |
| Section | Supplement | Article Size | 116 | cm2 |
| Circulation | 342444 | Frequency | Daily | |
| Readership | 2583000 | Color | Full Color | |
| | | AdValue | 2507.68 | |


doktorSakit tuan
Satu kerandut
Bekas gay derma darah
Tukar warna
Keintiman petanda sihat

# Bekas gay derma darah

## Soalan

SAYA berumur 26 tahun, bekas gay dan pernah melakukan hubungan seks sejenis sebelum ini. Bagaimanapun, saya sudah bertaubat untuk tidak terjebak lagi dalam perbuatan hina itu.

Soalan saya, bolehkah saya menderma darah? Daripada apa yang saya dapat tahu, mereka yang mengamalkan hubungan seks songsang tidak boleh menderma darah.

Untuk pengetahuan doktor, saya tidak melakukan seks songsang itu sejak dua bulan lalu dan tidak mahu mengulanginya lagi.

**INSAF**
**Perlis**

## Jawapan

**Jika anda mahu menderma darah di mana-mana hospital sama ada kerajaan atau swasta, anda perlu mengisi borang atau memberi maklumat peribadi, termasuk berkaitan gaya hidup tidak sihat dilalui sebelum ini.**

**Ia penting untuk rujukan hospital berkenaan. Selepas itu, darah anda akan diuji dan jika ada gejala kuman atau infeksi, darah anda tidak akan diterima.**

**Malah, kini jika anda ingin mendirikan rumah tangga, ujian darah juga perlu dilakukan bagi mengesan jangkitan HIV/Aids.**

**Jika anda sudah bertaubat tidak mahu terbabit dalam gejala seks bebas secara songsang, elok berjumpa doktor untuk menjalani ujian darah bagi mengesan sebarang gejala jangkitan penyakit kelamin.**

**Ini kerana ramai individu, sama ada lelaki atau perempuan, yang pernah terjebak dalam seks bebas atau rambang tidak tahu mereka membawa kuman jangkitan penyakit kelamin.**

**Secara kebetulan, kuman itu tidak menjejaskan mereka buat seketika tetapi boleh membinasakan orang lain yang tidak bersalah, tidak tahu atau tidak pernah melakukan hubungan seperti itu akibat dijangkiti penyakit.**